

20 APR 1998

DR MAHATHIR BERBINCANG DENGAN KETUA MENTERI AUSTRALIA SELATAN

KUALA LUMPUR, 20 April 20 (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengadakan perbincangan dengan Ketua Menteri Australia Selatan John Olsen di pejabat Perdana Menteri di sini.

Olsen, dengan diiringi delegasi seramai 30 orang, tiba di sini semalam untuk lawatan empat hari bertujuan mewujudkan hubungan jangka panjang dengan ahli perniagaan Malaysia dalam bidang-bidang seperti akuakultur dan pendidikan serta kesihatan.

Terdahulu Olsen telah menemui Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz di pejabatnya di sini.

Olsen sebelum ini telah menyatakan keyakinannya terhadap masa depan ekonomi Malaysia dan percaya bahawa ia akan pulih dengan cepat daripada krisis sekarang.

Bagi tempoh 1996/97, import Australia Selatan dari Malaysia berjumlah A\$38 juta (RM92.7 juta), termasuk makanan, binatang hidup, minyak galian, pelincin dan produk berkaitan.

Eksportnya ke Malaysia pula bagi tempoh yang sama berjumlah A\$115 juta termasuk produk keluli, pertanian, perhutanan, makanan, minuman, tembakau dan peralatan jentera.

-- BERNAMA

ES WAT